

**PM Ajak Rakyat Malaysia Doakan Keselamatan Mangsa Runtuhan Jambatan Kedua
Bernama
7 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengajak rakyat Malaysia mendoakan keselamatan mangsa kejadian runtuhan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

"Pihak berkuasa akan menyiasat kejadian tragik di Jambatan Pulau Pinang. Mari kita tumpukan kepada usaha menyelamatkan dan mendoakan mangsa dan keluarga mereka," katanya dalam Tweet terbaharunya hari ini.

Empat orang dikhuatiri mati apabila penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang yang sedang dalam pembinaan di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, di Batu Maung, Pulau Pinang runtuh pada kira-kira pukul 7.15 malam tadi(Khamis.)

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954618>